

Belanja berhemat ringankan beban kewangan



Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my

Timbalan Pengarah (Komunikasi Korporat), Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK), Universiti Putra Malaysia (UPM)

Keadaan ekonomi dunia tidak menentu serta keperluan memberi perhatian terhadap pembangunan infrastruktur asas seperti di sekolah, klinik dan kawasan luar bandar menyebabkan kerajaan tidak dapat memenuhi segala tuntutan peruntukan tambahan kementerian dan agensi kerajaan.

Dalam konteks ini setiap agensi kerajaan dan penjawat awam bukan sahaja perlu memahami keutamaan kerajaan serta dasar ekonomi makro dilaksanakan, sebaliknya inilah masa untuk berfikir, merancang dan mengambil tindakan lebih berhemat berpaksikan elemen akauntabiliti bagi memenuhi keperluan bajet masing-masing.

Lazimnya Kementerian Kewangan akan menyalurkan peruntukan tahunan bersesuaian mengambil kira permohonan agensi dan kemampuan kewangan kerajaan secara menyeluruh.

Walaupun jumlah peruntukan disalurkan agak terhad, namun operasi setiap agensi perlu dilaksanakan seperti biasa tanpa sebarang gangguan.

Justeru, penjawat awam di setiap agensi kerajaan perlu bertindak penuh berhemat, kreatif dan bertanggungjawab untuk mengimbangi antara keperluan peruntukan sebenar dengan peruntukan diterima.

Antara langkah wajar ialah meneliti dan menilai semula semua perancangan awal tahun bagi menentukan sama ada ia akan dilaksanakan se-

erti dirancang atau tidak serta melihat kemungkinan bagaimana boleh mengurangkan kos pelaksanaan.

Ini penting kerana kebiasaan pada akhir atau awal tahun semasa, semua jabatan akan membuat anggaran keperluan perbelanjaan setiap aktiviti tetapi ia boleh berubah mengikut keperluan dan perbelanjaan sebenar. Perbelanjaan hendak dilaksanakan juga perlu bersandarkan kepada keperluan, bukannya kemahuhan.

Teliti program hendak dilaksana

Maka, inilah juga masanya setiap agensi meneliti secara keseluruhan semua program hendak dilaksanakan sepanjang tahun. Penilaian wajar perlu dilakukan bagi melihat impak kepada rakyat dan negara bersandarkan perbelanjaan akan digunakan.

Sewajarnya aktiviti hendak dilaksanakan memberi manfaat secara optimum kepada peningkatan produktiviti dan perkhidmatan organisasi, selain menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

Di samping itu, setiap agensi dan kementerian perlu teliti bagaimana boleh berjimat cermat dan mengurangkan kos terutama dengan menggunakan kemudahan teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI) dalam operasi tugasan harian atau pelaksanaan projek besar dan baharu.

Dalam hal ini, inisiatif memperkasa proses pendigitalan perkhidmatan perlu dititikberatkan selain meningkatkan kemahiran pegawai bagi melaksanakan tugas dengan cekap dan efisien.

Dalam tempoh masa kesukaran ekonomi dan ke-

terbatasan sumber kewangan ini, budaya berbelanja mewah baik dalam urusan perolehan pejabat maupun pelaksanaan sesuatu program perlu dielakkan.

Aktiviti seperti majlis perasmian atau peluncuran sesuatu program dalam skala besar dan secara berlebihan wajar dihentikan sebaliknya sumber kewangan ini disalurkan kepada keperluan mendesak lebih signifikan.

Selain itu, seperti ditegaskan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, amalan pembelian tergesa-gesa pada hujung tahun atau *Christmas Shopping* boleh menyebabkan pembaziran sumber dalam perkhidmatan awam perlu dielak sama sekali.

Ketua jabatan perlu merancang dan membuat perbelanjaan dengan penuh berhemat, telus dan bertanggungjawab.

Pada masa sama segala ruang saling guna kuasa maupun penyelewengan perlu ditutup rapat dan digantikan dengan amalan budaya tatakelola serta tadbir urus telus lagi baik.

Ini akan menutup segala ruang kebocoran dan ketirisan sering menghantui perkhidmatan awam. Ambil iktibar Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang sering membangkitkan isu ketirisan terutama penyelewengan dan pembaziran sumber awam sa- ban tahun.

Justeru, penjawat awam sebagai tulang belakang pentadbiran kerajaan perlu gerak seiringan dengan iltizam dan usaha proaktif kerajaan untuk sama-sama berganding bahu membantu meringankan beban kewangan kerajaan dengan amalan perbelanjaan berhemat dan bertanggungjawab.